



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI UMUM PEMENANG MYHACKATHON 2022 KOHORT PERTAMA

CYBERJAYA, 15 OGOS 2022 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini mengumumkan senarai pemenang bagi **MYHackathon 2022 Kohort Pertama** di Rekascape, Cyberjaya.

Majlis tersebut yang telah disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, menyaksikan kesemua pemenang MYHackathon 2022 ini bakal menerima geran permulaan bernilai sehingga RM250,000.00 dan bimbingan secara *one-to-one* untuk melaksanakan pembangunan projek rintis selama 12 bulan.

Dalam ucapannya, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba menjelaskan jumlah penyertaan yang diterima pada kohort pertama MyHackathon 2020 ini adalah sangat memberangsangkan di mana Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) berjaya menghimpunkan 433 penyertaan daripada pelbagai latar belakang kepakaran antaranya dalam rekaan produk, perisian dan juga kecerdasan buatan. Selain itu, MyHackathon 2022 juga turut menerima penyertaan daripada negeri-negeri di luar Lembah Klang termasuklah Sabah dan Sarawak.

“MYHackathon yang dianjurkan oleh Cradle ini adalah contoh terbaik yang menggabungkan intervensi pembiayaan dan bakat yang dirangka di bawah Pelan Hala Tuju Ekosistem *Start-up* Malaysia (SUPER) 2021-2030. Program sebegini diharap dapat menarik perhatian pelabur terhadap *start-up* teknologi yang berpotensi

untuk memberikan sokongan kepada syarikat-syarikat pemula agar dapat melebarkan sayap bukan sahaja di dalam negara, malah di peringkat global,” katanya.

Tambahnya lagi, “Saya melihat pengiktirafan dan penganugerahan geran kepada para pemenang MYHackathon 2022 ini adalah permulaan yang amat penting. Sudah tiba masanya kita buktikan kemampuan dan kepakaran syarikat-syarikat pemula tempatan yang setanding dengan negara-negara maju.”

Sebanyak lima (5) pernyataan masalah telah dikemukakan oleh pihak kementerian, dan agensi-agensi kerajaan iaitu:

PENYATAAN MASALAH		KEMENTERIAN / AGENSI / JABATAN
1.	Solusi untuk menyelesaikan masalah pemantauan subsidi minyak masak rakyat.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
2.	Solusi digital memantau pengeluaran dan pemasaran hasil tani bagi tujuan ramalan tawaran dan permintaan hasil pertanian.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)
3.	Solusi untuk penjualan kelapa sawit yang lebih efektif.	Konsortium Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi Sawit (MARCOP)
4.	Solusi penggunaan Robot untuk kegunaan aktiviti <i>early reconnaissance Search & Rescue</i> (SAR) untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

5. Solusi pengawalan pencerobohan dron bagi tujuan penyeludupan atau tinjauan tidak sah ke kawasan akses terhad untuk Jabatan Penjara.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)
---	--------------------------------

Dengan tema '**Hackathon Nasional Untuk Malaysia Yang Inklusif**', program yang telah dilancarkan pada 27 Julai 2022 ini telah melabuhkan tirainya bagi kohort pertama setelah dua (2) minggu menjalani kem intensif dan sesi pementoran sebagai persediaan untuk acara akhir hari ini.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle, Norman Matthieu Vanhaecke berkata, "Cradle selaku agensi pelaksana bagi MYHackathon 2022 akan terus memberi sokongan kepada semua *start-up* di Malaysia dan membimbing mereka daripada peringkat idea sehingga peringkat pengkomersialan. Cradle berganding bahu bersama MOSTI dalam menyokong dan membimbing para pemenang dalam pembangunan projek rintis bagi memastikan solusi yang telah dipilih dapat direalisasikan, dan seterusnya memberi impak positif kepada rakyat."

Sementara itu, Naib Presiden Kanan Pembangunan Ekosistem Cradle, Ahmad Kashfi Alwi menjelaskan, "MYHackathon 2022 telah menyaksikan pertumbuhan syarikat-syarikat baharu dengan idea dan kepakaran yang luar biasa dalam menyelesaikan pernyataan masalah dan ini sejajar dengan misi utama program MYStartup dan inisiatif yang diterajui oleh MOSTI untuk menyediakan platform kepada semua *start-up* yang berinovasi agar lebih mampan serta berdaya saing."

TAMAT

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

15 OGOS 2022

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Puan Emily Clarice Joannes

Pegawai Penerangan

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

03-88858299

emily@mosti.gov.my

Mohamad Fadhli Hamim

PR & Media

Komunikasi Strategik

Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)

013-3969406

fadhli.hamim@cradle.com.my